



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 14 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ARCA JERAMI JADI PRODUK BAHARU, SABAK BERNAM, SH -22	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Arca jerami jadi produk baharu

**Mampu dijual
dari RM500
hingga RM3,000**

MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Jerami padi yang biasanya dibakar selepas musim menuai sebenarnya boleh mendatangkan manfaat.

Walaupun tidak sebesar king kong raksasa di Chiang Mai Thailand namun arca karya kartunis tanah air, Ruslan Ayob ini tetap mendapat tarikan penduduk setempat.

Ruslan atau lebih dikenali sebagai Taugeh membina arca berbentuk haiwan, manusia dan peralatan pertanian di restoran miliknya, Orang-Orang Art Cafe, Parit 3 Timur dekat sini.

Kartunis berusia 45 tahun ini berkata, selepas menceburi bidang baharu dalam pembuatan arca sejak tiga bulan lalu, dia su-



Taugeh menunggang 'kerbau' yang dihasilkan daripada jerami padi.



Taugeh bergambar bersama arca yang dihasilkannya di Orang-Orang Art Cafe, Parit 3 Timur.

dah menghasilkan sebanyak lapan arca daripada jerami.

"Antara arca dihasilkan berbentuk manusia, kerbau, lembu dan rusa," katanya yang membina karya unik tersebut bersama pembantu.

Menurutnya, arca haiwan mengambil masa kira-kira seminggu untuk disiapkan manakala figura manusia sekitar dua minggu kerana prosesnya lebih rumit.

Taugeh berkata, arca yang dihasilkan itu dijual pada harga serendah RM500 hingga RM3,000

bergantung kepada saiz, proses penghasilan dan ketahanannya.

Katanya, sehingga kini, sebanyak tiga arca sudah dijual kepada pihak yang berminat.

Taugeh melalui Jari Seni Anak Tani (Jasat) memberitahu turut membuka peluang kepada sesiapa yang berminat dalam penghasilan arca menyertai bengkel setiap Sabtu dan Ahad.

"Kita ingin mengumpul lebih ramai peserta yang ingin mempelajari seni ini sekali gus menjadi tarikan baharu kepada pengunjung


info

**Taugeh turut
mengadakan bengkel
pada Sabtu dan Ahad**

untuk ke daerah Sabak Bernam," katanya.

Kartunis terkenal ini juga merancang membuka sebuah galeri seni jerami padi pada masa depan.

"Saya mahu mengumpul semua arca di dalam galeri bagi membolehkan orang ramai melawat dan melihat sendiri hasil seni ini," katanya.



Arca kerbau yang menarik perhatian penduduk.